

KETIDAKSAKSAMAAN GENDER DALAM SEKTOR EKOPELANCONGAN DI LUAR BANDAR: KAJIAN KES DI KOTA BELUD

GENDER INEQUALITY IN ECOTOURISM SECTOR IN RURAL AREAS: A CASE STUDY IN KOTA BELUD

Dayang Suria Mulia^{1*}
Ubong Imang²
Badariah Saibeh³
Gusni Saat⁴

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: dshm99@ums.edu.my)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: ubong@ums.edu.my)

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: badariah_sh@ums.edu.my)

⁴Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: sgusni@ums.edu.my)

*Corresponding Author

Article history

Received date : 01-07-2021
Revised date : 16-08-2021
Accepted date : 30-09-2021
Published date : 31-10-2021

To cite this document:

Mulia, D. S., Imang, U., Saibeh, B., & Saat, G. (2021).
Ketidaksaksamaan Gender Dalam Sektor
Ekoopelancongan Di Luar Bandar: Kajian Kes Di Kota
Belud. *Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 6(40), 1 - 23.

Abstrak: Ketidaksaksamaan gender di Malaysia masih sangat ketara khususnya dalam aspek ekonomi dan politik. Situasi jurang gender semasa di Malaysia boleh diteliti melalui Laporan Global Gender Gap Index (GGGI) 2020 yang dikeluarkan oleh World Economic Forum, yang mana Malaysia berada di kedudukan 104 daripada 153 negara. Tahun 2020 menunjukkan skor GGGI bagi Malaysia adalah 0.68 (skor 1 bermaksud saksama mutlak dan 0 ketaksamaan mutlak). Skor ini menunjukkan Malaysia mempunyai jurang gender yang luas berbanding negara-negara ASEAN yang lain. Dalam konteks penyertaan tenaga buruh, data 2019 merumuskan kadar penyertaan buruh wanita adalah 55.2 peratus berbanding 80.4 peratus bagi lelaki. Dalam konteks perbincangan ini, kesaksamaan gender merujuk kepada keadaan iaitu wanita dan lelaki menikmati peluang, akses, hak, pemilikan sumber, serta kesetaraan peranan dalam aspek ekonomi, politik dan sosial. Manakala ekoopelancongan dianggap satu 'alat' yang mampu membantu usaha mencapai kesaksamaan gender dalam aspek ekonomi, politik dan sosial di luar bandar. Indikator yang digunakan untuk menilai kebolehcapaian kesaksamaan gender ialah akses pemilikan dan kawalan sumber, penglibatan dalam proses membuat keputusan, peningkatan kemahiran, keyakinan diri, dan pengembangan jaringan sosial. Kaedah kualitatif yang digunakan dalam kajian ini termasuklah temubual mendalam, focus group discussion (FGD), pemerhatian di lokasi kajian, disamping mengikuti aktiviti ekoopelancongan yang menampilkan wanita sebagai pengendali aktiviti. Seramai 44 orang

responden wanita ditemubual dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan 37 peratus wanita terlibat secara langsung dalam membuat keputusan khususnya wanita yang memiliki serta mengurus inap desa atau home stay (22 peratus), dan kumpulan wanita yang mengetuai projek ekopelancongan berasaskan komuniti (15 peratus). Hasil kajian juga menunjukkan 15 peratus wanita mula meneroka aktiviti yang lazim didominasi lelaki iaitu pengendali aktiviti lasak seperti jungle trekking dan rafting di sungai. Namun, jurang gender masih ketara kerana masih ramai wanita yang terlibat dalam kerja pembersihan dan keceriaan di camping site dan inap desa iaitu sebanyak 42 peratus. Dapatan kajian berkaitan ketidakaksamaan gender di luar bandar boleh menjadi input kepada agensi berkaitan dalam merangka dasar dan strategi untuk mencapai kesaksamaan gender di luar bandar.

Kata Kunci: Ekopelancongan, Pemerkasaan Wanita, Luar Bandar, Kesaksamaan Gender, Sumber Semulajadi

Abstract: Gender inequality in Malaysia is still very significant, especially in the economic and political aspects. The current gender gap situation in Malaysia can be examined through the Global Gender Gap Index (GGGI) Report 2020 released by the World Economic Forum, in which Malaysia is ranked 104th out of 153 countries. The year 2020 shows that the GGGI score for Malaysia is 0.68 (score 1 means absolute fairness and 0 absolute inequality). This score shows that Malaysia has a wide gender gap compared to other ASEAN countries. In the context of labor force participation, the 2019 data concludes that the female labor participation rate is 55.2 per cent compared to 80.4 per cent for men. In the context of this discussion, gender equality refers to the situation in which women and men enjoy equal opportunities, access, rights, ownership of resources, as well as equal roles in economic, political and social aspects. While ecotourism is considered as a 'tool' that can help efforts to achieve gender equality in economic, political and social aspects in rural areas. Indicators used to assess the possibilities of achieving gender equality are access to ownership and control of resources, involvement in the decision-making process, skills enhancement, self-confidence, and social network' expansion. Qualitative methods utilized in this study include in-depth interviews, focus group discussion (FGD), observations at the study site, and joining ecotourism activities that feature women as activity operators. A total of 44 female respondents were interviewed in this study. The findings showed that 37 percent of women are directly involved in decision-making process, especially women who own and manage home stays (22 percent), and a group of women who lead community-based ecotourism projects (15 percent). The results also showed that 15 percent of women began to explore activities that are commonly dominated by men, namely the operators of 'extreme' activities such as jungle trekking and rafting on the river. However, the gender gap is still significant because there are still many women involved in cleaning works at camping sites and home stays, which is 42 percent. Findings of this study related to gender inequality in rural areas can be an input to relevant agencies in formulating policies and strategies to achieve gender equality in rural areas.

Keywords: Ecotourism, Women's Empowerment, Rural, Gender Equality, Natural Resources

Pengenalan

Sesebuah negara tidak akan maju dan berjaya jika peranan wanita dikesampingkan dalam arus pembangunan negara. Ekonomi negara akan terjejas sekiranya potensi ekonomi golongan wanita yang merupakan separuh daripada populasi tenaga kerja tidak dapat digunakan sepenuhnya. Malaysia telah sekian lama memberi penekanan kepada usaha dan inisiatif mengarusperdanakan kesaksamaan gender. Kesaksamaan gender merupakan elemen penting dalam pembangunan masyarakat dan telah sekian lama menjadi asas perjuangan gerakan wanita peringkat global dalam kerangka perjuangan hak asasi manusia. Kesaksamaan yang dimaksudkan di sini ialah keadilan dalam menentukan hak dan tanggungjawab serta tidak berlaku sebarang diskriminasi. Untuk mencapai kesaksamaan gender, kerajaan Malaysia telah cuba untuk menyediakan peruntukan sumber secara saksama bagi memenuhi keperluan yang berbeza dan ini sememangnya selaras dengan prinsip hak asasi manusia iaitu keadilan dan tanpa diskriminasi. Kerajaan juga telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menyerlahkan potensi diri wanita dalam memacu pembangunan negara. Walaupun Malaysia telah menunjukkan kemajuan yang besar dalam mencapai kesaksamaan gender dan pengupayaan wanita, namun dalam Laporan *Global Gender Gap Index* (GGGI) 2020 yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum*, Malaysia berada di kedudukan ke-104 daripada keseluruhan 153 negara yang ditinjau. Negara-negara ASEAN yang lain mempunyai pencapaian yang lebih baik seperti Filipina berada pada kedudukan ke-16; Singapura (54); Thailand (75); Indonesia (85) dan Brunei (95).

Indeks Jurang Gender Global mengukur perbezaan pencapaian antara wanita dan lelaki dalam empat bidang utama iaitu kesihatan, pendidikan, ekonomi dan politik. Skor GGGI 2020 menunjukkan negara masih belum mencapai tahap memuaskan khususnya dalam aspek politik dan ekonomi. Laporan GGGI 2020 memberi gambaran bahawa kerajaan masih perlu mempertingkatkan usaha untuk memperkasakan potensi diri wanita khususnya dalam aspek ekonomi. Jurang gender yang ketara dalam subindeks ekonomi dipengaruhi oleh Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) wanita yang rendah contohnya pada tahun 2019, penyertaan tenaga buruh wanita hanya 56.1 peratus berbanding lelaki (81.1 peratus). Dasar seperti 30 peratus Wanita Sebagai Pembuat Keputusan perlu diterjemahkan menjadi realiti, dengan memberikan perhatian khusus terhadap sektor ekopelancongan iaitu antara sektor yang berpotensi untuk menjadi pemacu kepada pertumbuhan ekonomi di luar bandar.

Isu utama yang menjadi fokus perbincangan artikel ini ialah ketidaksaksamaan gender dalam sektor ekopelancongan di luar bandar serta potensi sektor ekopelancongan sebagai 'alat' yang boleh dimanfaatkan untuk mengurangkan jurang gender di luar bandar. Sehubungan itu, pengkaji-pengkaji seperti Jacqueline et al., (2010) dan Ridgeway (2011) menghujahkan kesaksamaan gender merujuk kepada persamaan hak, peluang, status, kuasa, tanggungjawab, akses, kawalan dan pemilikan terhadap sumber antara lelaki dan wanita. Kesemua aspek tersebut dipengaruhi budaya sesebuah masyarakat dan sejauh mana sistem patriarki di amalkan dalam masyarakat terbabit. *Manakala United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation* (UNESCO, 2020) menegaskan kesaksamaan gender seharusnya mengambilkir "Kesamarataan gender dan pemerkaasaan wanita, serta penyertaan aktif wanita dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya harus dipromosikan. Bagi wanita untuk menikmati hak asasi manusia sepenuhnya, perspektif gender perlulah di arus perdanakan ke dalam semua perancangan dasar sesebuah kawasan". Sebelum berbincang lebih lanjut berkaitan ketidaksaksamaan gender dalam sektor ekopelancongan di luar bandar, perlu difahami terlebih dahulu definisi dan kriteria sektor yang terangkum dalam kategori ini. Ekopelancongan seperti

yang dirumuskan oleh Donohue dan Needham (2006: ms. 192) ialah: (1) berasaskan alam semula jadi; (2) pemeliharaan/pemuliharaan; (3) pendidikan; (4) kemapanan; (5) pembahagian faedah atau manfaat; dan (6) etika/tanggungjawab/kesedaran. Definisi tersebut senada dengan penjelasan Weaver and Lawton (2007:ms.1170) yang menyatakan ekopelancongan patut mempunyai tiga kriteria teras iaitu (1) tarikan berdasarkan alam semula jadi; (2) interaksi pengunjung dengan tarikan-tarikan tersebut harus difokuskan kepada pembelajaran atau pendidikan, dan (3) pengalaman dan pengurusan produk harus mematuhi prinsip dan amalan berkaitan dengan ekologi, sosio-kebudayaan dan kemapanan ekonomi.

Sorotan Literatur

Kajian-kajian lalu berkaitan ekopelancongan jelas menunjukkan wujudnya ketidaksaksamaan gender dalam sektor ini (rujuk dapatan kajian Schelhorn, 2010; Obadic, 2016). Kajian-kajian lepas juga menggambarkan lelaki masih terus dominan menguasai peranan dan tanggungjawab penting dalam sektor ekopelancongan contohnya pengurus projek ekopelancongan, *lodge* dan pengendali aktiviti lasak (antara dapatan kajian Scheyvens, 1999; 2000 & Barry, 2012). Manakala, wanita masih terfokus kepada peranan yang bersifat domestik dan reproduktif seperti kerja pembersihan dan penyediaan makanan (Walter, 2011). Ketidaksamaan peranan gender telah mengekalkan dan meneruskan kewujudan jurang gender dalam sektor ekopelancongan (Irandu & Shah, 2016). Impak signifikan ketidaksaksamaan gender ialah wujudnya perbezaan upah, peluang yang tidak setara dalam memperoleh kemahiran dan pengalaman baru, jaringan sosial, hak, akses serta kawalan terhadap sumber dan kuasa dalam proses pembuatan keputusan (Scheyvens, 2000 & Ferguson, 2009). Ketidaksaksamaan yang wujud dalam sektor ekopelancongan membantutkan proses pemerksaan wanita dari segi ekonomi, sosial, politik dan psikologi (Scheyvens, 2000). Sedangkan pemerksaan wanita merupakan aspek kritikal untuk merapatkan jurang gender dan menjayakan pembangunan komuniti di kawasan luar bandar (Sproule, 1995; Scheyvens, 2007; Mulia, 2017; Narwan & Mulia, 2019; Mulia & Narwan, 2020).

Weaver and Lawton (2007: ms. 1168) merumuskan dalam konteks kajian berkaitan ekopelancongan yang semakin kukuh, perseptif gender belum diintegrasikan sepenuhnya dalam kajian-kajian tersebut. Seajar dengan hujah tersebut, Tran and Walter (2014) membuat kesimpulan bahawa kebanyakan penyelidikan dalam bidang ekopelancongan tidak peka gender kerana tidak mengambil kira isu kesaksamaan gender dalam penyelidikan mereka. Namun, perkembangan terkini telah jauh berbeza kerana semakin banyak kajian yang dijalankan menggunakan perspektif gender serta konsep pemerksaan wanita dalam konteks kajian ekopelancongan (contohnya kajian Walter, 2011; Tran & Walter, 2014; Irandu & Shah, 2014). Dalam kajian Scheyvens (2000), gender digunakan sebagai variabel atau pemboleh ubah utama dalam menilai kelestarian sesebuah projek berkaitan pelancongan. Walaupun secara umum, Scheyvens (1999; 2000) bersetuju dengan ciri-ciri ekopelancongan seperti yang dicadangkan oleh sarjana lain, tetapi ia juga menegaskan bahawa dalam konteks ekopelancongan, ia boleh membawa kesan negatif dan positif kepada komuniti setempat. Oleh itu, beliau lebih menekankan implikasi ekopelancongan kepada komuniti dengan menjustifikasi kesan positif ekopelancongan dari sudut sejauh mana ia berjaya memperkasa komuniti lokal khususnya wanita. Bagi Scheyvens (2000: ms.233) usaha ekopelancongan hanya boleh dianggap 'berjaya' jika ia mampu mempromosi pemerksaan wanita, dan komuniti setempat mempunyai mekanisme kawalan ke atas pembangunan ekopelancongan dan berkongsi secara saksama faedah yang terhasil daripada ekopelancongan.

Kajian-kajian di Malaysia berkaitan ekopelancongan masih kurang mengintegrasikan perspektif gender dalam kajian-kajian tersebut. Kajian lalu lebih terjurus kepada cabaran dan impak ekopelancongan terhadap pembangunan di luar bandar (rujuk Duini & Vini, 2010 dan Sato et al., 2013) serta isu kelestarian ekopelancongan (contohnya Jayaraman et al., 2010). Dalam konteks Sabah, kajian-kajian lepas mengenai ekopelancongan lebih menekankan kejayaan dan cabaran program *home stay* (Johan & Mohamad Zaki, 2009, Intan et al., 2009; Rosazman & Velan, 2014; Mohd Jirey et al., 2015; Nor Haniza, 2016 dan Rosazman & Velan, 2016) serta potensi dan cabaran ekopelancongan (Ramzah & Amriah, 2008; Jabil, 2010; Mohd Jirey et al., 2015; Abdullah et al., 2016). Walaupun terdapat kajian-kajian lalu di Malaysia khususnya di Sabah yang membincangkan impak ekopelancongan terhadap pemerksaan wanita, namun kajian-kajian tersebut (contohnya Intan et al., 2009 dan Rosazman & Velan, 2016) tidak menganalisis secara khusus bagaimana sektor ekopelancongan berpotensi untuk mengurangkan jurang gender. Kajian di luar negara menunjukkan ramai sarjana antaranya Wilkinson dan Pratiwi (1995), Scheyvens (2007) dan Ferguson (2009) yang membincangkan isu gender dan ekopelancongan dalam kajian mereka. Sewajarnya, kajian berkaitan ekopelancongan yang menggunakan perspektif gender perlu disesuaikan mengikut konteks dan perspektif komuniti tempatan dengan cuba mengenalpasti elemen serta faktor penyebab ketidaksaksamaan gender yang terus wujud dalam sektor ini. Sehubungan itu, kajian ini merupakan satu percubaan untuk mengintegrasikan perspektif gender dalam membincangkan potensi ekopelancongan di luar bandar dalam merapatkan jurang gender.

Teori Feminist, Perspektif Gender dan Sektor Ekopelancongan

Teori Feminist menekankan kesaksamaan hak, taraf, kedudukan, status, akses dan pemilikan sumber serta peluang yang sama bagi semua individu tidak kira ia lelaki atau wanita (Tong and Botts, 2017). Proses untuk mencapai kesaksamaan gender atau sekurang-kurangnya mengurangkan jurang gender merupakan tema utama yang ditekankan dalam semua Teori Feminist. Bagi Feminist, kesaksamaan gender hanya boleh dicapai jika jurang perbezaan antara wanita dan lelaki dalam aspek ekonomi, sosial dan politik dapat dihapuskan. Pemerksaan wanita adalah salah satu elemen penting untuk mencapai kesaksamaan gender. Pemerksaan wanita merujuk kepada proses membantu wanita mengemudi hidup mereka. Melalui pemerksaan dan pendayaupayaan, mereka mampu membuat keputusan untuk menggembelng sumber demi kemajuan dan kesejahteraan diri. Feminist menegaskan bahawa walaupun wanita menyertai pelbagai sektor ekonomi tetapi situasi semasa menunjukkan masih wujud unsur diskriminasi, eksploitasi, dan dalam konteks ekopelancongan masih wujud elemen *traditional gender divisions of labor*. Untuk mencapai kesaksamaan gender, Feminist menghujahkan peranan wanita yang lebih tertumpu kepada domain reproduktif, dan bersifat tradisional perlu diubah.


Sektor ekopelancongan mampu menyumbang ke arah kesaksamaan gender jika peranan lelaki dan wanita dapat diseimbangkan. Oleh itu, kajian ekopelancongan yang menggunakan perspektif gender seperti Koeman (1998), Dilly (2003), Barry (2012), Manu et al (2012), Tran & Walter (2014) serta Fredrick et al (2015) menegaskan bahawa sektor ekopelancongan mampu merapatkan jurang gender. Kesaksamaan gender boleh dicapai melalui keberhasilan sektor ini memperksa wanita dari aspek ekonomi, sosial, politik dan psikologi. Sebagai contoh kajian Tran & Walter (2014) di Vietnam dan Fredrick et al (2015) di Kisumu, Kenya mendapati bahawa wanita mendapat peluang dan akses untuk menyertai latihan dan kursus sebagai pengendali pelancong dan operator bot. Kedua-dua kajian tersebut merumuskan wanita berjaya memecahkan dominasi lelaki dalam menjalankan peranan bersifat teknikal seperti

operator bot. Tran & Walter (2014) mendapati selain memperoleh kemahiran baru sebagai pengendali pelancong, wanita juga berpeluang meningkatkan potensi diri dan kemahiran mereka dalam persembahan tarian berkaitan budaya komuniti. Kedua-kedua kajian tersebut mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Koeman (1998) di Sa Pa Vietnam yang mendapati wanita memecah dominasi lelaki dalam sektor ekopelancongan kerana mereka turut memainkan peranan sebagai pengendali pelancong serta menjadi pengiring pelancong mendaki gunung Fansipan. Sebelum itu, peranan tersebut jarang diterokai golongan wanita.

Selanjutnya, kajian Jacobus et al (2005), Dilly (2003), Manu et al., (2012) dan Barry (2012) mendapati sektor ekopelancongan bukan sahaja mampu memperkasa wanita tetapi ia juga mampu merapatkan jurang gender melalui kesetaraan dari segi akses dan kawalan terhadap sumber dan penyertaan wanita dalam proses pembuatan keputusan. Misalnya, kajian Manu et al., (2012) di Sirigu, Ghana dan kajian Barry (2012) di Isecheno, Kenya mendapati penglibatan aktif wanita dalam organisasi yang dibentuk di bawah sektor ekopelancongan telah memberikan mereka peluang memberikan pandangan dan cadangan dalam proses mengembangkan dan menyelesaikan masalah berkaitan projek ekopelancongan. Sejalan dengan itu, kajian Dilly (2003) di Guyana dan Jacobus et al., (2005) di Costa Rica menunjukkan wanita bukan sahaja berpeluang untuk melibatkan diri dalam proses pembuatan keputusan, malah mereka juga mempunyai akses dan kawalan terhadap sumber dalam sektor ekopelancongan. Kajian Dilly (2003) mendapati melalui Projek Ubi Kayu, wanita berpeluang mendapat akses dan kawalan terhadap sumber tersebut. Mereka diberi tanggungjawab mengendalikan dan menguruskan projek terbabit untuk meningkatkan bekalan makanan di kawasan sektor ekopelancongan. Ini sejajar dengan dapatan kajian Jacobus et al., (2005) di Costa Rica yang mendapati wanita mempunyai akses kawalan dalam mengendalikan *Recycling Plant* di kawasan ekopelancongan. Kesimpulannya, sektor ekopelancongan berpotensi memperkasa wanita. Usaha memperkasakan wanita dalam sektor ekopelancongan seperti yang diujahkan oleh pengkaji-pengkaji tersebut sangat relevan dengan isu yang dibincangkan dalam artikel ini. Wanita sebagai sebahagian ahli komuniti merupakan penjaga terbaik sumber semulajadi seperti sungai, hutan, serta biodiversiti di lokasi masing-masing. Ini juga menunjukkan wanita boleh menjadi teraju utama sektor ekopelancongan di luar bandar jika mendapat peluang yang saksama.

Sektor Ekopelancongan di Sabah Sebelum Era Pandemik COVID-19


Sektor pelancongan merupakan antara sumber utama pendapatan ekonomi negeri Sabah. Sabah terkenal dengan kelestarian alam semula jadi yang telah berjaya memacu pertumbuhan ekonomi negeri ini. Sektor pelancongan di Sabah mengalami perkembangan pesat dengan pertambahan jumlah pelancong dari luar negara dan juga pelancong tempatan setiap tahun sebelum merebaknya wabak COVID-19 di Malaysia awal tahun 2020. Sebagai contoh, pada tahun 2018, Sabah merekodkan pendapatan tertinggi dalam sejarah dengan memperoleh sejumlah RM8.342 bilion sumbangan dari industri pelancongan. Jumlah kedatangan pelancong turut mencatatkan rekod tertinggi iaitu seramai 3.8 juta pelancong pada tahun yang sama. Statistik yang direkodkan Lembaga Pelancongan Sabah (Sabah Tourism Board, 2018) menunjukkan jumlah kedatangan pelancong meningkat 5.3 peratus sepanjang 2018 dan hasil pelancongan turut meningkat 6.6 peratus berbanding RM7.82 bilion pada 2017. Rajah 1 di bawah menunjukkan jumlah kedatangan pelancong ke Sabah antara tahun 2015-2019.



Rajah 1: Jumlah Kedatangan Pelancong Ke Sabah, 2015-2019

Hakmilik (2019) oleh Sabah Tourism Board

Sementara itu, rekod kedatangan pelancong antarabangsa meningkat sebanyak 10.2 peratus manakala bagi ketibaan pelancong domestik merekodkan peningkatan sebanyak 2.8 peratus (rujuk rajah 2). Negara China melangkaui paras setengah juta ketibaan pelancong dengan rekod seramai 593,623 pelancong China datang ke Sabah pada tahun 2019. Pelancong dari Korea Selatan mencatatkan jumlah kedua tertinggi dengan peningkatan sebanyak 8.5 peratus melibatkan seramai 337,100 pelancong. Jumlah pelancong dari negara Singapura juga menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 9.1 peratus tahun 2018. Rajah 2 memperincikan jumlah kedatangan pelancong antarabangsa ke Sabah antara tahun 2015-2019.



Rajah 2: Jumlah Kedatangan Pelancong Antarabangsa Ke Sabah, 2015-2019

Hakmilik (2019) oleh Sabah Tourism Board

Daya tarikan Sabah mengikut tinjauan yang dijalankan oleh Sabah Tourism Board (STB) pada tahun 2018 menunjukkan pelancong datang ke Sabah disebabkan kewujudan aktiviti berkaitan ekopelancongan di negeri ini. Melalui survei yang dijalankan oleh STB pada tahun 2018 menunjukkan daripada 3.8 juta pelancong yang datang ke Sabah, sebahagian besar daripada mereka ingin menikmati dan melawat pantai dan pulau (37 peratus), tertarik dengan alam semula jadi di Sabah (32 peratus), melakukan aktiviti pengembaraan (32 peratus) serta menyertai aktiviti menyelam (11 peratus).

Metodologi Kajian

Kajian ini memilih kawasan Zon Kadamaian, Kota Belud sebagai lokasi kajian. Ini kerana sektor ekoekopelancongan berasaskan penyertaan komuniti semakin berkembang di kawasan ini. Sebanyak empat buah kampung yang aktif menjalankan aktiviti ekopelancongan telah di pilih mewakili kawasan Zon Kadamaian di Kota Belud iaitu Kampung Melangkap, Kampung Nahaba, Kampung Sayap serta Kampung Tolungan. Kajian lapangan telah dijalankan dari 9hb - 13hb November 2019. Temu bual mendalam telah dijalankan bersama dengan 44 orang responden wanita daripada empat buah kampung tersebut. Selain itu, pemerhatian di lapangan juga dijalankan oleh pengkaji untuk mengenal pasti aktiviti ekopelancongan yang dijalankan serta untuk mengetahui kepelbagaian peranan wanita yang terlibat dalam sektor ini. Pemerhatian di lapangan membantu pengkaji mengenal pasti aktiviti ekopelancongan dan kepelbagaian peranan yang dipertanggungjawabkan kepada wanita dalam sektor tersebut. Pengkaji juga menyertai beberapa aktiviti pelancongan yang melibatkan wanita sebagai ketua dan pengendali aktiviti. Antara aktiviti yang disertai pengkaji ialah *jungle trekking*, *flying fox* dan aktiviti rakit di sungai yang dikendalikan wanita. Selain dari data primer, analisis data kualitatif juga melibatkan analisis data sekunder seperti buku, artikel dari jurnal, statistik serta laporan dari agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan dengan isu kajian ini. Buku *Critical issues in Ecotourism* telah digunakan sebagai rujukan utama untuk mengenal pasti isu ketidaksaksamaan gender dalam ekopelancongan. Selain itu, artikel *Ecotourism and the Empowerment of Local Community* oleh Scheyvens (1999) digunakan untuk memahami kerangka pemerksaan wanita yang terlibat dalam sektor ekopelancongan di luar bandar.

Dalam konteks memahami bagaimana perspektif gender diaplikasikan dalam kajian ekopelancongan, kajian Ferguson (2009) telah dijadikan sebagai antara rujukan utama kajian. Seterusnya, untuk memahami *Gender Mainstreaming* yang diintegrasikan dalam proses pembangunan negara, kajian Nur Syakiran (2016) turut menjadi rujukan penting kajian ini. Statistik ketibaan pelancong dari Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya, Sabah digunakan untuk mengenal pasti jumlah kedatangan pelancong dan pendapatan ekonomi melalui pelancongan. Statistik dari *Sabah Tourism Board* (STB) berkaitan kedatangan pelancong dan pendapatan ekonomi melalui pelancongan di Sabah menyokong rumusan mengenai pentingnya sumbangan sektor ekopelancongan kepada pembangunan komuniti di luar bandar. Seterusnya, buku statistik Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga digunakan untuk mengetahui berkenaan kadar penyertaan buruh wanita di Malaysia. Data dan maklumat yang dibincangkan dalam artikel ini merupakan dapatan kajian di empat buah kampung di Zon Kadamaian, Kota Belud. Model 1 merupakan kerangka model yang diadaptasi dari Scheyvens (1999; 2000) yang di aplikasi untuk menjadi panduan perbincangan berkaitan tahap pemerksaan wanita di Kadamaian dan selanjutnya penelitian mengenai bagaimana ia menyumbang kepada usaha-usaha mengurangkan jurang gender dalam sektor tersebut. Model 1 di bawah menunjukkan indikator pemerksaan wanita.

Model 1: Indikator Pemerdayaan Wanita


Indikator	Elemen Tahap Pemerdayaan Responden Wanita
Ekonomi <ul style="list-style-type: none"> • Penjanaan Pendapatan • Wanita sebagai usahawan • Wanita dalam sektor informal – menjual produk lokal untuk pelancong 	<ul style="list-style-type: none"> • Melalui sektor ekopelancongan, wanita mampu menjana pendapatan melalui pekerjaan tetap contohnya bekerja sebagai penjaga kaunter yang menerima gaji bulanan sebanyak RM 600 sebulan. • Ekopelancongan telah membuka peluang ekonomi kepada wanita – mengusahakan inap desa, menjual hasil tani, menjual produk makanan & kraf tangan serta menjalankan perkhidmatan urutan kepada pelancong
Politik <ul style="list-style-type: none"> • Terlibat membuat keputusan • Menjadi ketua/pengurus 	<ul style="list-style-type: none"> • Melalui ekopelancongan, wanita berpeluang berperanan sebagai ketua, pemilik inap desa dan pengurus projek/syarikat ekopelancongan. Hal ini menunjukkan mereka mempunyai kuasa dalam proses pembuatan keputusan dalam projek/syarikat ekopelancongan dan bertanggungjawab dalam operasi harian projek/syarikat ekopelancongan.
Sosial <ul style="list-style-type: none"> • Meluaskan jaringan sosial • Meningkatkan kemahiran berkomunikasi • Kemahiran teknikal dan skil lain 	<ul style="list-style-type: none"> • Ekopelancongan telah meningkatkan jaringan sosial wanita. Sebagai contoh bertemu dengan rakan-rakan baru yang menghasilkan kraf tangan lokal dan dijual kepada pelancong dari luar. • Selain itu kemahiran berkomunikasi English juga meningkat kerana mereka perlu berinteraksi dengan pelancong luar • Kemahiran pertukangan wanita juga meningkat dengan kewujudan ekopelancongan kerana mereka perlu mendirikan perusahaan ekopelancongan bersama suami dan menggaji pekerja
Psikologi <ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan ‘awareness’ mengenai kepentingan alam semula jadi • Meningkatkan keyakinan 	<ul style="list-style-type: none"> • Melalui ekopelancongan, kesedaran wanita bertambah berkaitan kepentingan penjagaan alam sekitar dan kebersihan. Hal ini kerana mereka bukan sahaja perlu mengutamakan kebersihan kawasan ekopelancongan malahan keseluruhan kampung. • Wanita juga semakin yakin dan berani berinteraksi dengan pelancong lokal dan luar yang datang ke kawasan ekopelancongan.

Sumber: Di ubahsuai dari Scheyvens (1999; 2000)

Dapatan Kajian dan Perbincangan


Latar belakang Sosio-ekonomi

Hasil kajian menunjukkan umur responden yang paling aktif menyertai aktiviti dan program ekopelancongan adalah kategori kumpulan umur 41 sehingga 50 tahun iaitu seramai 21 orang (47.7 peratus). Ini diikuti kategori umur 51 sehingga 60 tahun iaitu seramai 11 orang atau 25 peratus. Manakala kategori umur yang paling rendah menyertai sektor ekopelancongan adalah dalam lingkungan umur 10 sehingga 20 tahun dan kategori umur 61 sehingga 70 tahun. Kedua-dua kategori umur tersebut mencatatkan hanya 2.3 peratus daripada keseluruhan jumlah responden. Rajah 3 di bawah menunjukkan analisis umur responden wanita yang terlibat aktif dalam sektor ekopelancongan di kawasan kajian.



Rajah 3: Analisis Umur Responden Wanita


Sumber: Kerja lapangan, 9hb - 13hb Nov, 2019



Rajah 4: Tahap Pendidikan Responden Wanita

Sumber: Kerja lapangan, 9hb - 13hb Nov, 2019


Bagi tahap pendidikan responden (rujuk rajah 4), kajian ini mendapati seramai 20 orang responden wanita bersamaan dengan 45.5 peratus mencapai pendidikan sekolah menengah. Manakala, hanya 13.6 peratus iaitu seramai 6 orang daripada 44 orang responden mencapai pendidikan sehingga sekolah rendah sahaja. Rajah 4 memperincikan tahap pendidikan responden wanita dalam kajian ini.



Rajah 5: Tahun Mula Kerja (terlibat) dalam Sektor Ekopelancongan

Sumber: Kerja lapangan, 9hb - 13hb Nov 2019

Sementara itu, berdasarkan kepada tempoh mula terlibat dalam industri ini, kajian mendapati bahawa 31.8 peratus bersamaan dengan 14 orang responden wanita mula terlibat aktif dalam ekopelancongan pada tahun 2017. Diikuti dengan tahun 2016 iaitu seramai 12 orang iaitu 27.2 peratus. Manakala, hanya seorang responden wanita iaitu 2.3 peratus yang terlibat lebih awal dalam sektor ekopelancongan iaitu sekitar tahun 1996. Rajah 5 menunjukkan jumlah dan peratusan tahun responden wanita mula terlibat aktif dalam sektor ekopelancongan.




Rajah 6: Jangka masa (tahun) Terlibat dalam ekopelancongan

Sumber: Kerja lapangan, 9hb - 13hb Nov 2019

Berdasarkan kepada tempoh penglibatan dalam sektor ekopelancongan ini, kajian ini mendapati bahawa 25 peratus iaitu seramai 11 orang responden wanita menyertai sektor ekopelancongan selama empat tahun. Manakala 13.6 peratus bersamaan dengan 6 orang responden wanita menyertai sektor ekopelancongan selama dua tahun dan 13.6 peratus lagi menyertai sektor ini selama tiga tahun. Manakala, hanya seorang iaitu 2.3 peratus menyertai sektor ekopelancongan selama lebih daripada sepuluh tahun. Ini menunjukkan bahawa majoriti wanita di kawasan kajian melibatkan diri dalam sektor ekopelancongan di bawah jangka masa 10 tahun. Ini selaras dengan perkembangan ekopelancongan di kawasan kajian yang mula berkembang pesat selepas tahun 2015. Rajah 6 menunjukkan jangka masa (tahun) wanita mula terlibat dalam ekopelancongan.

Mengenai jumlah pendapatan, kajian mendapati seramai 17 daripada 44 responden wanita yang ditemu bual iaitu 38.6 peratus memperoleh pendapatan dalam lingkungan RM1,000 sehingga RM5,000. Kebanyakan wanita yang memperoleh pendapatan dalam lingkungan ini merupakan pemilik merangkap pengurus inap desa atau *home stay* dan pengurus *camp site*. Selain itu, seramai 10 responden wanita iaitu 22.7 peratus memperoleh pendapatan dalam lingkungan RM100 sehingga RM500. Responden wanita yang memperoleh pendapatan dalam lingkungan ini pula kebanyakannya berperanan sebagai pekerja pembersihan dan penjaga kaunter di *camping site*. Manakala, seorang responden wanita (2.3 peratus) yang memperoleh pendapatan dalam kategori RM11,000 - RM20,000. Responden tersebut bertaraf usahawan dan menjadi pemilik inap desa, *camp site* serta beberapa aset pelancongan. Rajah 7 menunjukkan analisis pendapatan responden wanita yang terlibat aktif dalam sektor ekopelancongan.




Rajah 7: Pendapatan Responden Wanita

Sumber: Kerja lapangan, 9hb - 13hb Nov, 2019

Analisis Data

Kepelbagaian Peranan Wanita dalam Sektor Ekopelancongan

Data kajian ini menunjukkan responden wanita menjalankan pelbagai peranan dalam sektor ekopelancongan di kawasan kajian. Dalam konteks perbincangan ini, adalah penting untuk mengetahui tanggungjawab dan peranan yang digalas oleh wanita dalam sektor ini. Antara peranan yang melibatkan wanita dalam sektor ekopelancongan adalah pengurusan dan pentadbiran projek ekopelancongan, pengendali pendaki dan pengembaraan hutan, pemilik dan pengurus inap desa atau *home stay*, peniaga makanan dan kraf tangan, penjaga kaunter pendaftaran di tapak perkhemahan, tukang masak di tapak perkhemahan, pekerja pembersihan di tapak perkhemahan dan inap desa. Peranan lain ialah menjadi pengendali penunggang kuda, pertukangan, landskap, pengendali aktiviti seperti rakit, ikan tagal, dan aktiviti perkhemahan. Peranan yang di dominasi wanita ialah peranan sebagai kerja pembersihan, penjaga kaunter pendaftaran dan pengurus inap desa. Pekerja pembersihan merupakan peranan yang paling banyak melibatkan wanita iaitu sebanyak 42.2 peratus bersamaan dengan 19 orang wanita. Rajah 8 memperincikan kepelbagaian peranan dan tanggungjawab responden wanita di kawasan kajian.



Rajah 8: Analisis Peranan Responden Wanita

Sumber: Kerja lapangan, 9hb - 13hb Nov, 2019

Melalui analisis kepelbagaian peranan wanita dalam ekopelancongan jelas menunjukkan wanita tidak lagi terfokus kepada peranan bersifat domestik atau reproduktif tetapi mula meneroka peranan yang biasanya di dominasi lelaki. Ini memberi ruang kepada wanita untuk terlibat dalam proses pembuatan keputusan berkaitan halatuju ekopelancongan di kawasan mereka. Seramai 7 orang iaitu 15.6 peratus wanita terlibat aktif dalam pengurusan dan pentadbiran projek ekopelancongan. Terdapat dua wanita yang menjadi ketua *Community Based Tourism* (CBT) di Kampung Melangkap dan Kampung Tolungan iaitu Puan Doihim dan Puan Harlina. Peranan ini memberikan mereka peluang mengurus operasi harian CBT seperti membuat jadual kerja, merekrut pekerja baru dan menguruskan hal ehwal kewangan CBT. Di samping itu, wanita juga mula meneroka peranan lasak sebagai pengendali pendaki dan pengembaraan hutan iaitu seramai 7 orang bersamaan dengan 15.6 peratus. Pengkaji mendapati terdapat ramai wanita yang terlibat sebagai pengendali pendaki khususnya di Kampung Sayap. Hal ini kerana Kampung Sayap menyediakan pakej-pakej mendaki dan pengembaraan hutan yang menarik seperti mendaki trail bertangga, meneroka Gua Mulut, Wasai ID Gua dan air terjun. Justeru, aktiviti ini menarik kedatangan ramai pelancong lokal dan antarabangsa. Hal ini secara langsung meningkatkan permintaan pengendali pendaki, pengembaraan hutan, gua dan air terjun.

Berdasarkan rajah 8, seramai 6 orang bersamaan dengan 13.3 peratus wanita yang menjadi pengendali penunggang kuda dan penyelamat di sungai contohnya di Sungai Warui di Kampung Nahaba. Peranan-peranan ini merupakan peranan yang dahulunya di dominasi lelaki. Namun, dengan pembangunan sektor ekopelancongan yang pesat di Kadamaian, Kota Belud, ia telah memberi peluang kepada wanita untuk mencuba dan menceburkan diri dalam peranan yang jauh berbeza dengan peranan bersifat tradisional. Kepelbagaian peranan dalam sektor ekopelancongan ini telah menyumbang kepada usaha memperkasa wanita dari segi ekonomi, politik, sosial dan psikologi. Perbincangan selanjutnya menjurus kepada analisis elemen pemerksaan wanita di kawasan kajian berasaskan kepelbagaian peranan yang melibatkan wanita dalam sektor ekopelancongan.

Potensi Sektor Ekopelancongan untuk Merapatkan Jurang Gender di Luar Bandar

Data kualitatif dalam kajian ini menunjukkan sektor ekopelancongan di Kadamaian, Kota Belud berpotensi dan mampu memperkasa wanita dari segi ekonomi, politik, sosial dan psikologi. Kesaksamaan gender dari sudut pandang Feminist menekankan kesaksamaan hak, taraf, kedudukan, status, akses dan pemilikan sumber serta peluang yang sama bagi semua individu tidak kira ia lelaki atau wanita (Tong and Botts, 2017). Persoalannya sekarang, mampukah industri ekopelancongan memacu usaha kearah mencapai kesaksamaan gender atau sekurang-kurangnya mengurangkan jurang gender di luar bandar. Untuk meneliti isu ini, penting untuk mengetahui terlebih dahulu tahap pemerksaan wanita di Kadamaian, Kota Belud. Ini kerana pemerksaan wanita merupakan prasyarat dan elemen kritikal untuk mencapai kesaksamaan gender. Model Indikator Pemerksaan Wanita yang di ubahsuai dari Scheyvens (1999; 2000) digunakan untuk menerangkan proses pemerksaan dan bagaimana ia boleh meningkatkan status wanita dari segi ekonomi, politik, sosial dan psikologi. Secara umum, data kualitatif kajian ini menggambarkan berlakunya pemerksaan wanita dari sudut ekonomi, politik, sosial dan psikologi. Ini kerana, disebabkan penglibatan mereka dalam sektor ekopelancongan, wanita telah mampu menjana pendapatan secara sendiri serta tidak bergantung dengan pendapatan suami. Penyediaan peluang yang memberikan akses seimbang kepada wanita berdasarkan kredibiliti, kemahiran dan keupayaan telah mampu memajukan ekopelancongan di kawasan kajian. Wanita juga berjaya memecahkan dominasi lelaki dalam bidang pengurusan, pentadbir dan pengendali aktiviti lasak dalam ekopelancongan. Jelas sektor ekopelancongan di kawasan kajian memberi ruang dan peluang kepada wanita untuk menjalankan peranan dan tanggungjawab seiring dengan lelaki.

Aspek Ekonomi

Perkembangan sektor ekopelancongan di Zon Kadamaian, Kota Belud telah memungkinkan perkongsian saksama antara wanita dan lelaki dalam memperoleh dan mengawal sumber, serta peluang penyertaan yang seimbang dalam memajukan sektor ini. Ekopelancongan bukan sahaja menyediakan persekitaran yang kondusif untuk wanita menjana pendapatan tetapi ia juga mampu membangunkan potensi dan mendayaupayakan wanita dari sudut ekonomi. Pemberdayaan ekonomi merupakan indikator penting untuk mengukur pemerksaan wanita dalam sektor ini. Sektor ekopelancongan telah membuka dan menawarkan banyak peluang pekerjaan dan ini memberi peluang kepada wanita untuk menjana pendapatan untuk isi rumah masing-masing. Sebagai contoh, wanita yang menjadi penjaga kaunter pendaftaran pelancong dan pekerja pembersihan di tapak perkhemahan dan pondok di *Ekopelancongan Kisakot*, Kampung Melangkap memperoleh sumber pendapatan tetap melalui gaji harian dan bulanan antara RM300-RM600. Data kajian menunjukkan semua responden wanita yang terlibat dalam

sektor ekopelancongan mampu menjana pendapatan dianggarkan antara RM300 sehingga RM20,000 sebulan (Rujuk rajah 7 untuk perincian pendapatan responden wanita dalam kajian ini). Selain daripada pendapatan tetap secara bulanan, wanita juga berpeluang menjana pendapatan dari penjualan produk yang mereka hasilkan. Menurut Puan Tiffany dari kampung Melangkap yang turut juga menjual produk tempatan kepada pelancong, sektor pelancongan memberi mereka pelbagai peluang ekonomi. Menurutnyanya lagi:

“... dari segi barang yang diorang jual tu, dari produk yang diorang berfikir ada jualan, ada potensi untuk dijual...diorang buat kraftangan apa semua... itu pun sedikit sebanyak menambah pendapatan diorang....”

(Puan Tiffany, ditemubual 9hb November 2019)

Puan Yuni dari Kampung Nahaba mempunyai persepsi yang sama dengan Puan Tiffany. Ketika ditanya berkenaan manfaat sektor ekopelancongan kepada wanita, beliau berpendapat sektor ekopelancongan memberi mereka peluang menjana pendapatan serta banyak peluang perniagaan. Malah, wanita yang tidak terlibat secara langsung dalam projek ekopelancongan juga mampu menjana pendapatan melalui penjualan produk lokal dan menawarkan perkhidmatan seperti mengurut kaki. Wanita boleh mengembangkan usaha menjadi peniaga atau usahawan dengan menjual buah-buahan hasil kebun mereka, kraf tangan, hasil masakan seperti sambal yang menggunakan bahan tempatan. Tambahnya lagi:

“...itu tengok dari musim-musim... kalau bagi saya ada musim kalau musim buah-buahan, musim nanas berbuah lebih itu pendapatan mahu seribu juga kalau musim buah-buahan...”

(Puan Yuni, ditemubual 11hb November 2019)

Wanita yang mengusahakan kebun sayur-sayuran dan buah-buahan mampu meluaskan pasaran produk mereka dengan menjualnya di beberapa kawasan ekopelancongan. Hal ini disebabkan terdapat ramai pelancong yang membeli buah-buahan dan sayur-sayuran sekitar kawasan ekopelancongan. Puan Yuni memperoleh pendapatan tambahan dalam RM 1,000 sebulan semasa musim buah-buahan tempatan. Terdapat juga wanita yang membuka gerai makanan untuk memenuhi permintaan pelancong yang datang ke Kampung Melangkap. Untuk merancakkan sektor ekopelancongan, antara inisiatif lain yang mereka usahakan ialah mempromosikan produk kraftangan etnik tempatan. Peningkatan kedatangan pelancong ke Kampung Melangkap (salah satu lokasi kajian) membolehkan wanita berpeluang menjual hasil kraf tangan berasaskan manik dan rotan. Justeru, kewujudan peluang pekerjaan dan perniagaan di kawasan ekopelancongan telah membantu memacu proses pemerikasaan ekonomi wanita dan ini tentunya boleh mempercepatkan lagi usaha merapatkan jurang gender dari segi ekonomi.

Aspek Politik

Dari aspek politik, data menggambarkan kompetensi dan kepimpinan wanita mendapat pengiktirafan daripada ahli komuniti. Sebanyak 15.6 peratus responden wanita (rujuk rajah 8) yang diberi peluang mengurus dan mentadbir hal ehwal projek ekopelancongan. Perlantikan wanita sebagai EXCO *Kadamaian Tourism Association* (KATA) telah menyediakan peluang untuk wanita mengetuai sesebuah projek berkaitan ekopelancongan. Peranan mereka sebagai ketua projek telah memberikan autonomi dalam proses pembuatan keputusan. Peranan wanita

sebagai antara teraju utama kepimpinan persatuan pelancongan menunjukkan transisi status wanita kearah kepimpinan sendiri dalam sektor ini. Ini perkongsian Puan Haimie:

“.....pernah juga mengetuai... saya pernah jadi pengerusi..., mula-mula kami tubuhkan KATA saya mempengerusikan majlis makan malam untuk mencari dana... majlis makan malam KATA sini dipekan (Kota Belud)... Dewan Tun Said.....”.

(Puan Haimie, ditemubual 12hb November 2019)

Perkongsian menarik hasil perbualan dengan Puan Haimie menunjukkan peranan penting yang beliau pegang sebagai EXCO KATA telah berjaya menyangkal stigma tentang wanita yang lazim dikatakan sebagai penuh beremosi, dan tidak kompeten dalam aspek kepimpinan. Sebagai EXCO KATA yang aktif, pendapat Puan Haimie diambil kira kerana ia mewakili pandangan wanita-wanita lain yang terlibat aktif dalam sektor ekopelancongan di Zon Kadamaian. Kepimpinannya menjadi suatu bentuk ransangan kepada wanita lain di kampungnya agar tidak lagi kekal dengan peranan domestik. Perbezaan wanita dan lelaki dari sudut pandang berkaitan alam sekitar dan ekosistem memberi manfaat kepada sektor ekopelancongan di kampungnya. Menurutnya:

“.... pertama sekali saya sarankan KATA memberi peluang kepada wanita untuk menjual makanan... kraftangan hasil kerja sendiri... maksud saya seperti manik-manik dorang akan jual di tapak pelancongan tu... ertinya... bila ada pelancong sampai kebanyakannya dikaunter hasil-hasil kerja wanita itu adalah salah satu pendapatan bagi wanita seperti apa yang saya pergi kan..... hasil kraftangan daripada wanita... tapi di kadamaian masih belum ada yang tertumpu.... kepada itu.... jadi saya sarankan di mesyuarat KATA.... kita buat begini.... KATA beransur untuk berubah dan buat satu kursus wanita menjahit...dan membuat manik so saya tengok kan dorang lebih semangat untuk membuat dan menjual di tempat pelancongan.....”.

(Puan Haimie, ditemubual 12hb November 2019)

Temu bual dengan Puan Haimie selaku EXCO KATA di Kadamaian menunjukkan beliau terlibat secara langsung dalam memberi saranan serta membuat keputusan khususnya dalam menentukan hala tuju KATA. Sebagai representasi wanita, beliau yakin pandangan dan suara wanita diterima pakai dalam proses membuat keputusan dalam persatuan KATA demi untuk memajukan dan menentukan hala tuju ekopelancongan di Kadamaian. Perkongsian saksama antara wanita dan lelaki dalam proses membuat keputusan dalam peringkat persatuan memberi impak positif kepada kemajuan sektor pelancongan di Kadamaian. Ia juga meningkatkan kapasiti dan keupayaan wanita dalam proses kepimpinan.

Dalam konteks pemeraksanaan politik, isu paling penting ialah proses wanita terlibat dalam proses pembuatan keputusan berkaitan projek atau program ekopelancongan. KATA merupakan sebuah organisasi yang mempunyai kuasa dalam mengendalikan dan menganjurkan kursus, program dan seminar untuk penambahbaikan sektor ekopelancongan di Kadamaian. Tambahan lagi, KATA juga memegang peruntukan sumber kewangan yang disalurkan daripada Kementerian Pelancongan Sabah. Oleh itu, penyertaan Puan Haimie dalam jawatan kuasa KATA mempunyai impak yang signifikan dari segi pemeraksanaan politik wanita di Kadamaian. Tentunya perkembangan positif ini membantu wanita membebaskan diri

daripada adat tradisi yang didukung elemen patriarki, keluar daripada kepompong domestik, serta boleh meningkatkan potensi dalam aspek kepimpinan.

Aspek Sosial

Dalam konteks pemeraksanaan wanita dari sudut sosial, jelas menunjukkan wanita yang terlibat dalam sektor ekopelancongan di kawasan kajian memperlihatkan semangat solidariti dari segi memajukan potensi diri dalam industri ini. Peningkatan kemahiran, pengetahuan, interaksi sosial dan perluasan jaringan sosial signifikan dalam memajukan ekopelancongan. Untuk membangunkan potensi dan mendayaupayakan wanita, pelbagai kursus *softskills* dan *hardskills* dianjurkan oleh persatuan-persatuan pelancongan di Kota Belud. KATA misalnya telah mengolah pelbagai strategi memajukan ekopelancongan dengan menganjurkan pelbagai kursus kemahiran kepada ahli komuniti di Kadamaian. Antara kursus kemahiran yang telah dianjurkan adalah kursus menyelamat, pengendalian makanan dan kraf tangan. Kursus kemahiran yang ditawarkan telah memperbaiki serta meningkatkan lagi kemahiran wanita untuk turut terlibat aktif dalam sektor ekopelancongan.

Menyedari kepentingan aspek keselamatan dalam pengendalian aktiviti ekopelancongan, KATA dengan kerjasama agensi dari luar menganjurkan kursus-kursus berkaitan keselamatan (berkaitan pengendalian aktiviti ekopelancongan) contohnya kursus yang dianjurkan oleh jabatan bomba Kota Belud. Kursus tersebut melatih peserta untuk menyelamatkan pengunjung yang terlibat aktiviti *rafting* di sungai. Peserta diajar cara-cara menyelamatkan mangsa jika berlaku kecemasan di sungai. Sebagai strategi susulan, banyak kursus yang dianjurkan untuk menarik dan mempromosi serta memasarkan pakej pelancongan. Kursus lain berkaitan pelancongan yang dapat dimanfaatkan dan boleh menjadi pemangkin wanita terus terlibat dengan sektor ekopelancongan ialah kursus ICT yang antaranya memberi tunjuk ajar kepada peserta untuk membuat laman web bagi mempromosi pakej ekopelancongan mereka. Bagi Puan Rina, banyak impak positif ekopelancongan di kampungnya:

“...macam biasa lah pelancongan dapat bantu kasi tingkat pendapatan... makin yakin bercakap sama pelanggan dengan makin pandai sudah bercakap tidak sudah takut-takut macam yang permulaan.... tambahkan ilmu pengetahuan melalui kursus yang kami ikut.... kawan dari luar pun bertambah dari pelanggan yang berulang datang sini lah.....”

(Puan Rina, ditemubual 12hb November 2019)

Bagi wanita yang bekerja di bahagian kaunter pendaftaran, mereka ini sememangnya berinteraksi secara langsung dengan pelancong dari luar. Interaksi wanita dengan pelancong telah meningkatkan lagi keyakinan mereka berkomunikasi. Malah ada wanita yang ditemubual menyatakan mereka berusaha untuk berbual dalam English khususnya semasa berinteraksi dengan pelancong antarabangsa. Wanita berusaha mempelajari English untuk berkomunikasi dengan pelancong yang berasal dari luar negara. Ini juga menambah keyakinan mereka dalam berkomunikasi kerana situasi kerja mereka yang perlu sentiasa berinteraksi dan menjadi barisan hadapan melayani pertanyaan pelancong dari luar. Berkaitan dengan isu berkomunikasi dengan pelancong, Puan Laila dari Kampung Melangkap yang bekerja sebagai *housekeeping* di Laini Home Stay dan penjaga Gerai Laini berkongsi pengalaman beliau berkomunikasi dengan pelancong dari luar dan bagaimana interaksi berterusan ini meningkatkan lagi keyakinan diri. Beliau menyatakan:

“...pernah bercerita kalau dorang datang pergi makan sini berceritalah tentang... tapi terus terang kalau ada yang orang putih kan saya tidak pandai walaupun faham tapi saya tidak pandai mahu bercakap Inggeris dia tapi kebanyakan yang ada datang sini ada dorang bawah tukang kasi tahu. Kebanyakan yang datang sini bertanya macam mana terjadi begini begitu... Tidak juga neves(nervous) begitu sebab kalau saya tahu saya seriuslah bercerita bukan main-mainkan. Banyak sudah jumpa sama pelajar, paling banyak itu juga soalan dorang...”

(Puan Laila, ditemubual 12hb Nov, 2019)

Bagi Puan Rita, wanita berpeluang meluaskan jaringan sosial dengan terlibat dalam sektor ekopelancongan. Penglibatan dalam sektor ekopelancongan memberikan beliau peluang untuk berinteraksi dengan pelancong luar yang berasal dari pelbagai tempat. Berbeza dengan sebelum adanya sektor ekopelancongan, beliau hanya berinteraksi dengan ahli komuniti di kampung. Tambahnya:

“...beginilah... kalau macam banyaklah tempat...macam mana tu...pelancongan sini kan dapat bergaul dengan lebih orang.... orang yang dari tempat lain... selalunya kalau kita-kita sahaja tak macam beginikan... kalau bergaul dengan orang kampung sahaja... kita dapat bergaul dengan orang yang luar dari kampung kita....”

(Puan Rita, ditemubual 9hb November 2019)

Aspek Psikologi

Akhir sekali, pemeraksanaan psikologi boleh diteliti melalui potensi, keupayaan diri, keyakinan diri serta kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar. Melalui perkembangan sektor ekopelancongan di kawasan kajian, ia membantu responden wanita meneroka dan meningkatkan potensi diri mereka sendiri. Perkembangan sektor ini berupaya memupuk, memperkembang dan memperkasa pengupayaan sendiri yang positif dalam kalangan wanita. Salah seorang responden yang ditemu bual iaitu Puan Rokumin menghujahkan wanita semakin yakin dan berani berinteraksi dengan pelancong yang datang. Dahulu mereka enggan bergaul dengan pelancong luar kerana kurang keyakinan dengan kebolehan untuk berinteraksi, berkomunikasi serta mempromosi produk pelancongan di kampung mereka. Namun, selepas sektor ekopelancongan dibangunkan dengan pesat di Kadamaian, wanita semakin berani dan berkeyakinan untuk berinteraksi serta mempromosi kelebihan aktiviti ekopelancongan di kampung mereka. Beliau berkongsi pengalaman:

“...macam biasa lah pelancongan dapat bantu kasi tingkat pendapatan... makin yakin bercakap sama pelanggan dengan makin pandai sudah bercakap tidak sudah gugup-gugup macam yang mula-mula...”

(Puan Rokumin, ditemubual 12hb November 2019)

Pengalaman yang sama dikongsi oleh Puan Lorence. Peranan sebagai penjaga kaunter pendaftaran merangkap pengurus Win Inap desa memerlukan beliau berinteraksi secara langsung dengan pelancong. Kekerapan berinteraksi antara wanita dan pelancong telah meningkatkan keyakinan diri mereka untuk mengendalikan aktiviti yang melibatkan pelancong tempatan dan pelancong dari luar. Selain itu, kursus-kursus kemahiran yang disertai wanita berkaitan ekopelancongan telah meningkatkan lagi keyakinan mereka untuk berkongsi informasi serta mempromosi potensi ekopelancongan di kawasan mereka. Ia

khususnya membantu mereka juga menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pelancong. Selain itu, bagi wanita yang mengetuai jawatankuasa kebersihan dan keceriaan dalam sektor ekopelancongan, disamping menyedari kepentingan menjaga persekitaran, mereka turut mempraktikkan amalan kitar semula dengan menggubah botol plastik sebagai hiasan di sekitar kawasan ekopelancongan. Puan Lorence seterusnya menegaskan:

'... ini memang sangat memberi kesan lah dari segi kita punya minda di mana pertama sekali adalah kita kena beri servis yang terbaik kepada pelancong. ...servis yang baik maksud saya dari sini tahap kebersihan...'

(Puan Lorence, ditemubual pada 9hb November 2019)

Kesimpulan

Sebagai rumusan, dapatan kajian jelas menunjukkan wanita yang terlibat dalam sektor ekopelancongan di Kadamaian, Kota Belud telah melalui proses pemerikasaan dalam aspek ekonomi, sosial, politik dan psikologi. Wanita berjaya memecah dominasi lelaki melalui peranan yang biasanya di kuasai lelaki seperti ketua projek pelancongan, mengetuai aktiviti lasak seperti pengendali *jungle trekking*, mengendali aktiviti rakit di sungai, mengendali pengembaraan di gua, dan air terjun, mengendali aktiviti flying fox serta menjadi penyelamat di sungai. Wanita juga terlibat dalam proses membuat keputusan khususnya dalam menentukan hala tuju sesebuah projek ekopelancongan, menjadi pemilik inap desa, menjadi pengurus inap desa, serta menjadi penggerak dan memberi idea bagaimana sumber semula jadi di kawasan ekopelancongan di kampung mereka dibangunkan serta dimajukan. Dengan kepelbagaian peranan wanita dalam sektor ekopelancongan di kawasan kajian, ia jelas menunjukkan jurang gender boleh dikurangkan. Lebih dari itu kesaksamaan gender dalam sektor ini mampu dicapai jika wanita terus mempelbagaikan peranan mereka, memecah tradisi untuk melibatkan diri dalam pekerjaan yang di dominasi lelaki, bersaing dan lebih kompeten dalam meningkatkan akses kepada sumber, mengawal sumber dan seterusnya memiliki aset untuk dimajukan di kawasan ekopelancongan. Untuk mencapai pembangunan negara yang mapan, langkah membudayakan kesaksamaan gender di kalangan semua lapisan masyarakat dalam semua sektor adalah perlu. Memperkukuhkan dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi wanita melalui kerjasama dan sinergi antara agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan di peringkat daerah dan nasional akan mempercepatkan lagi usaha mencapai kesaksamaan gender dalam sektor ekopelancongan di luar bandar.

Rujukan

- Abdullah, M, Awang Noor, A. G, Hin Wai Yip & Zabidi, H. (2016). Assessment of attractions, visitation and local community-based ecotourism at Marudu Bay, Sabah. *The Malaysian Forester*. 79(1&2).189-196.
- Barry, K.S. (2012). *Women empowerment and community development through ecotourism*. (Tesis Sarjana) SIT Graduate Institute.
- Bras, K and Dahles, H. (1998). Women entrepreneurs and beach tourism in Sanur, Bali: Gender employment opportunities and government policy. *Pacific Tourism Review*. 1. 243-256.
- Chiutsi, Simon, Memory, M, Pauline K, Boycen K. (2011). The Theory and Practice of Ecotourism in South Africa. *Journal of Hospitality Management and Tourism* 2(2). 14-21.
- Mulia, D.S. (2017). Survival strategies of single mothers among indigenous ethnics in rural areas: Case study in Kota Belud, Sabah. *Jurnal Kinabalu*. 23. 43-63.
- Mulia, D.S & Narwan, K (2020). Ke Arah Mencapai Kesaksamaan gender: Analisis Pemerikasaan Wanita melalui Sektor Ekopelancongan di Kadamaian, Kota Belud, Sabah. *Jurnal Kinabalu*. 26 (1).73-104.

- Dilly, B, J. (2003). Gender culture and ecotourism: Development policies and practices in the Guyanese rain forest. *Women's Studies Quarterly* 31(3/4). 58-75.
- Donohue, H., & Needham, R. (2006). Ecotourism: The evolving contemporary definition. *Journal of Ecotourism*, 5(3). 192-210.
- Duini & Vini Sinteh. (2010). *Taman Kinabalu sebagai asas pelancongan utama Sabah dan kesannya kepada masyarakat setempat*. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia.
- Evaristus M. Irandu, Parita Shah. (2014). The role of ecotourism in promoting women empowerment and community development: Some reflections from Kenya. *Journal of Tourism and Hospitality Management*, 2(6). 245-259.
- Ferguson, L. (2009). Analysing the gender dimensions of tourism as a development strategy. *Paper Presented at the Development Studies Association Conference*. University of Ulster. Coleraine, Northern, September.
- Fredrick, Z.A. Odede, Patrick O, Hayombe, Stephen Gaya Agong. (2015). Ecotourism for community empowerment and social inclusion: the case of Abindu sacred site in Kisumu county, Kenya. *Journal of Economics and Sustainable Development* 6(4). 7-15.
- Gentry, K. M. (2007). Bellzean women and Tourism work: Opportunity or impediment. *Annals of Tourism Research*, 34(2). 477-496.
- Intan Osman, Zainal Ariffin Ahmad, Noor Hazlina Ahmad, Azrina Hussin, Saridan Abu Bakar & Nur Diyana Tanwir. (2009). Following the trail of women inap desa entrepreneurs in Malaysia: Understanding their motivation and empowerment. *TEAM Journal of Hospitality & Tourism*. 6(1). 24-35.
- Irandu, E. M & Shah, P. 2014. The Role of Ecotourism in Promoting Women Empowerment and Community Development: Some Reflections from Kenya. *Journal of Tourism and Hospitality Management* 2. 245-259.
- Jacobus, F.K, Carel, D, Miriam, M. (2005). Ecotourism as a development strategy: Experiences from Costa Rica. *Environ Dev Sustain* 11.1225-1237.
- Jabil Map Jabil. 2010. Pelancongan berasaskan selam skuba di Pulau Mabul, Sabah. *Prosiding PERKEM V*. 2. 311-320.
- Jacqueline Scott, Anke C. Plagnol & Jane Nolan. (2010). Perceptions of quality life: Gender differences across the life. Dalam Jacqueline Scott, Rosemary Crompton & Clare Lyonnette (eds.). *Gender inequalities in the 21st century: New barriers and continuing constraints*. United Kingdom: MPG Books Group.
- Johan Afendi Ibrahim & Mohamad Zaki Ahmad. (2009). Program inap desa pemangkin pertumbuhan ekonomi luar bandar: Kajian kes negeri-negeri utara Semenanjung Malaysia. *Prosiding Perkem IV* (2). 227-242
- Jurry Foo & Kadir Jaafar. (2019). Women's role in the medicinal plants market in the tamu of west coast, Sabah. *Jurnal Kinabalu*. 25. 13-20.
- Jayaraman K, Soh Keng Lin, Li Lian Yap & Wooi Leng Ong. (2010). Sustainable ecotourism: The case of East Malaysia. *TEAM Journal of Hospitality and Tourism*. 7(1). 27-44.
- Kartina Narwan & Dayang Suria Mulia. (2019). Impak ekopelancongan terhadap pemerksaan wanita, kesaksamaan gender dan pembangunan komuniti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 4(6). 139-151.
- Koeman. (1998). Sa Pa, Vietnam: Capacity building for sustainable tourism and Sa Pa, Vietnam: Ideas for the Future. *Communications to the Internet Conference of Community Based Mountain Tourism* Sponsored by Mountain Forum, 11 May.
- Long, V & G. Wall. (1995). Small scale tourism development in Bali. Dalam. M. Conlin and T. Baum (eds). *Island tourism: Management, principles and practice*. England: John Wiley & Sons Ltd.

- Manu, Isaac Kuuder, Conrad-J. Wuleka. (2012). Community-based ecotourism and livelihood enhancement in Sirigu, Ghana. *International Journal of Humanities and Social Science* 2(18). 97-108.
- Mohd Jirey Kumalah, Gusni Saat, Jabil Mapjabil, Rosazman Hussin, Teuku Afrizal, Mustapa Abu. (2015). Kearifan tempatan dan potensinya sebagai tarikan pelancongan berasaskan komuniti: Kajian kes komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani, Sabah *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 11(12). 112-128.
- Monterrubio, C.J. & Espinosa, B. (2013). Characterisation of ecotourism employment in a developing world destination. *GeoJournal of Tourism and Geosites* 1(11).54-65.
- Muhammad Faiz Saumi & Izzal Asnira Zolkepli. (2017). Kelestarian kualiti perkhidmatan ekopelancongan: Aplikasi model analisa 'gap' bagi memahami kepuasan pelancong zoo Malaysia. *Jurnal Pengurusan*. 49(12). 141-154.
- Mwangi, D. W. (2005). *A case study analysis on the social impact of the ecotourism project in Selenkei Ranch, Amboseli, Kenya* (MA (tourism) thesis, University of Witwatersrand, SA).
- Nor Haniza Mohamad. (2016). Critical success factors of community-based tourism in Batu Puteh, Kinabatangan, Sabah. PhD Management Thesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nur Syakiran Akmal Ismail. 2015. Mengarusperdana gender di Malaysia: Satu tinjauan konseptual. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 12(7). 160-171.
- Obadic, Alka (2016). Gender discrimination and pay gap on tourism labor market. *International Journal of Mechanical and Industrial Engineering*. 10(3). 823-828.
- Ramzah Dambul & Amriah Buang. (2008). Permasalahan Industri Pelancongan di Kundasang, Sabah: Penjelasan Kestrukturan Marxist. *Malaysian Journal of Society and Space*. 4. 32-44.
- Reimer, J.K, & Walter, P. (2013). How do you know it when you see it? Community-based ecotourism in Cardamom mountains of southwestern Cambodia. *Tourism Management*. 34.122-132.
- Ridgeway, C, L. (2011). *Frame by gender*. New York: Oxford.
- Rosazman Hussin. & Velan Kunjuran. (2014). Pelancongan Mapan Berasaskan Komuniti (CBT) Melalui Program Inap desa di Sabah, Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 10(3). 160-174.
- Rosazman Hussin. & Velan. Kunjuran. (2016). Women Participation in Ecotourism Development: Are They empowered? *World Applied Sciences Journal*. 34(12). 1652-1658.
- Sabah Tourism Board. Jumlah Ketibaan Pelancong dan Pendapatan Ekonomi Pelancongan. Diakses pada Julai 2019 Dari <https://www.sabahtourism.com>.
- Sato, Toshiki & Chem Wern Hong, Masazumi AO, Badaruddin Mohamed & Ngai Weng Chan. (2013). Kajian Perbandingan Isu dan Cabaran Ekopelancongan di Taman Negara Pulau Pinang dan Taman Kinabalu, Malaysia. *Pascasidang Seminar Serantau ke-2 Pengurusan dan Persekitaran di Alam Melayu*. 589-595.
- Schellhorn. M. (2010). Development for whom? Social Justice and the business of ecotourism. *Journal of Sustainable Tourism*, 18(1). 115-135.
- Scheyvens. R. (1999). Ecotourism and the empowerment of local communities. *Tourism Management*. 20. 245-249.
- Scheyvens. R. (2000). Promoting Women's Empowerment through Involvement in Ecotourism: Experiences from The Third World. *Journal of Sustainable Tourism*. 8(3). 232-249.

- Scheyvens, R. (2007). Ecotourism and gender issues. Dalam. J Higham. (ed.). *Critical issues in Ecotourism*. Burlington, MA: Elsevier.
- Sproule, W. K. 1995. Community-Based Ecotourism Development: Identifying Partners in the Process. *Yale F & Es Bulletin*.
- Stronza, A. (2005). Hosts and Hosts: The anthropology of community-based ecotourism in Peruvian Amazon. *National Association for The Practice of Anthropology Bulletin*. Texas A&M University.
- Tong, R.P & Botts T.F. (2017). *Feminist Thought: A More Comprehensive Introduction* (5th Edition). New York: West View Press.
- Tran, Linh & Pierre Walter (2014). Ecotourism, gender and development in Northern Vietnam. *Annals of Tourism Research*, 44. 116-130.
- Walter, Pierre. (2011). Gender Analysis in Community-based Ecotourism. *Tourism Recreation Research*. 36(2).159-168.
- Weaver, D. B., & Lawton, L. J. (2007). Progress in tourism management. Twenty years on: the state of contemporary ecotourism research. *Tourism Management*. 28. 1168- 1179.
- Wilkinson, P & Pratiwi, W. (1995). Gender and tourism in an Indonesian village. *Annals of Tourism Research*. 22 (2). 283-99.
- Wood, M, E. (2002). Ecotourism: Principles, practices and policies for sustainability. United Nations environment programme. Diakses Pada Julai 2019 Dari: <http://www.unep.fr/scp/publications/details.asp?id=WEB/0137/PA>.

Laporan

Laporan Global Gender Gap Index (GGGI) 2020. <http://reports.weforum.org/global-gender-gap-report-2020/>